

11 MAY 2001

Mahathir-Politik Wang (Bergambar)

UMNO SERIUS DALAM MEMBANTERAS POLITIK WANG, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Umno serius dalam membanteras rasuah dan politik wang di kalangan anggota parti dan akan menyingkir sesiapa yang didapati bersalah termasuk anggota Majlis Tertinggi.

"Siapa bersalah...anggota MT, Perdana Menteri pun kalau bersalah, dapat bukti, singkir...Saya (sendiri) rela disingkir kalau didapati saya terlibat dalam politik wang, buang saya," katanya dalam nada serius.

"Kita tidak boleh main-main. Jika tidak, semua orang tidak akan percaya pada parti. Jika kita hendak hapuskan rasuah dan politik wang, kita perlu ambil tindakan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis memperingati perjuangan Umno dan pertemuan dengan veteran Umno di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Beliau berkata Umno telah melantik badan yang bertanggungjawab iaitu Lembaga Disiplin untuk memantau masalah politik wang dan pendapat serta keputusan mereka harus dipertimbangkan dan disokong oleh semua lapisan anggota parti itu.

Perdana Menteri juga ditanya adakah syarat-syarat kelayakan bertanding jawatan dalam parti sebagai penyebab kepada masalah ini berterusan.

Katanya walaupun sebelum ini pelbagai syarat ditetapkan dan diubah untuk kebaikan parti tetapi sikap tamak individu menyebabkan masalah politik wang masih wujud.

"Kalau kita berasa bertanggungjawab, (bahawa) kita berjuang dalam parti kerana kepentingan parti dan kita hendak jaga kepentingan parti daripada kepentingan diri, (maka) kita tidak akan membuat sesuatu untuk kepentingan diri yang boleh merosakkan parti," katanya.

-- BERNAMA

ZAI RV ZS RON